

UM jadi medan jazz antarabangsa

<http://c.moreover.com/click/here.pl?z9916208899&z=1650248895>

Kekal dengan stigma muzik urban yang sukar difahami golongan marhaen, ia tidak menghalang kehadiran ramai penggemarnya untuk hadir menyaksikan KL International Jazz Festival 2013 (KLIJF) yang berlangsung di kampus Universiti Malaya (UM) pada 14 September lalu dari jam 11 pagi hingga 12.30 tengah malam. Penganjurannya, KL International Jazz (KLIJ) mampu tersenyum puas kerana penganjuran kali kedua itu lebih berjaya berbanding tahun sebelumnya yang dianggap hanya percubaan. Kali ini mereka mendapat sokongan sepenuhnya daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan dibantu pelbagai penaja daripada badan korporat lain termasuk Malaysia Airlines (MAS), Starbucks, Etiqa dan Capital FM. Meskipun terpaksa dijadualkan semula berbanding tarikh asal pada April lalu kerana Pilihan Raya Umum ke-13, KLIJF 2013 tetap mendapat sambutan baik dengan kombinasi bintang jazz antarabangsa serta bakat tempatan terbaik. Sajian pelbagai komposisi jazz seperti kontemporari, smooth, straight ahead, klasik, rock, swing, funky dan R&B serta blues berjaya menghiasi festival istimewa ini. Intipati acara kali ini lebih hebat dan besar kerana penganjur menyediakan empat pentas termasuk pentas utama di Dewan Tuanku Canselor yang membariskan persembahan artis ternama dalam genre jazz dari seluruh dunia. Kira-kira 28 kumpulan terbabit menayakan persembahan kali ini. Pemuzik tempatan yang terbabit antaranya pemain percussion, Steve Thornton, Patrick Terbrack, The Vaseement Syndicate, John Thomas Trio, John Dip Silas, KL Jazz Project dan pemuzik dari UM sendiri, The UM Big Band. Barisan artis antarabangsa yang terbabit ialah gitaris Lee Ritenour dan Chuck Loeb, peniup saksofon Jessy J, Kazutoki Umezu Kiki Band dari Tokyo serta pemuzik R & B, Ezra Brown dari New York. Sebelum ini, peminat tegar jazz perlu ke luar negara untuk menyaksikan persembahan artis pujaan mereka. Namun dengan adanya penganjuran seperti KLIJF ini, mereka dapat melihat sendiri kehebatan itu dari jarak dekat. Apatah lagi Dewan Tuanku Canselor punyai sejarah tersendiri dalam kemunculan muzik jazz di Malaysia iaitu sejak 1950-an, sekali gus persembahan yang dibawakan berjaya mengimbau nostalgia buat peminat yang terdiri daripada pelbagai kaum. Pentas luar dewan yang dibuka pada jam 3 petang menampilkan persembahan pemuzik Viv Adram & Northern Jazz Unit, Jose Thomas dan Jordan Rivers, Cats In Love, UiTM Jazz Ensemble, KKL Quintet, UCSI Contemporary Ensemble, Syndicate Bassment, Ballads & Blues, John Thomas Trio dan John Dip Silas. Pentas utama pula dipanggil MAS One World Stage dibuka mulai jam 4 petang dengan menampilkan The UM Big Band yang dipimpin Pengarah Pusat Kebudayaan Universiti Malaya Dr Mohd Nasir Hashim. Persembahan bertemakan tribute buat legenda Tan Sri P Ramlee menerima tepukan gemuruh daripada penonton. The Big Band menyampaikan beberapa lagu seperti Hujan Di Tengah Hari daripada filem Perjudian. Mereka juga menunjukkan kehebatan menyampaikan lagu antarabangsa antaranya Crazy Little Thing Called Love dan Cry Me A River. Hujan lebat bermula lewat petang bukan penghalang buat peminat hadir menyaksikan persembahan artis terkenal di pentas utama. Antara yang menghiburkan peminat adalah Zamajobe yang memulakan karier nyanyiannya secara profesional sejak 10 tahun lalu dengan mengeluarkan album debut 'Ndawo Yami' (My Place) yang membawanya ke pentas antarabangsa. Persembahan Zamajobe yang diiringi pemuzik Jose James, Steve Thornton dan Erik Hargrove ternyata hebat dan memukau penonton. Gaya nyanyiannya yang sederhana, tetapi penuh dengan perasaan dan emosi berjaya menenangkan perasaan penonton. Sememangnya kemunculan Lee Ritenour begitu ditunggu-tunggu peminat pada malam itu. Beliau sudah tidak asing lagi bagi penggemar jazz di Indonesia kerana sudah beberapa kali muncul di Jakarta Jazz Festival Antarabangsa dan terbaru, Jakarta International Java Jazz Festival 2013. Persembahan yang ditampilkan Lee Ritenour sememangnya hebat dan menyeronokkan serta tiada tandingan. Permainan muziknya yang menggabungkan unsur 'rockin fusion', 'smooth jazz' serta pengaruh Latin membuatkan peminat terhibur dan memberikan tepukan gemuruh. Persembahannya diiringi Tom Kennedy (bass), Roger Biwandu (dram) dan Jesse Milliner (elektrik piano). Lagu-lagu yang dimainkan termasuklah Smoke n Mirrors, L A By Bike dan Rio Funk. Lee Ritenour yang juga digelar 'captain the fingers' turut menjemput Zamajobe ke atas pentas menyampaikan dua lagu. Walaupun waktu sudah lewat, peminat masih setia menanti persembahan penyanyi Jessy J yang berasal dari Portland, Oregon, Amerika Syarikat. Artis cantik keturunan Mexico-Amerika ini bermula sebagai pemain piano, tetapi kemudian bertukar karier dengan bermain saksofon. Lagu-lagu yang dimainkannya pada malam itu antaranya Tequila Moon, True Love dan Oye Como Va yang pernah dipopularkan Santana. Pengerusi eksekutif dan pengasas KLIJF Maizon Omar berkata, penganjuran festival ini dibuat kerana pihaknya percaya setiap bandar raya mempunyai peminat jazz tersendiri. "Ini fenomena yang berlaku di seluruh dunia. Kuala Lumpur sendiri sudah 10 tahun tiada persembahan jazz bertaraf antarabangsa. Jazz antara yang diangkat UNESCO sebagai Global Culture. Jadi KLIJF berhasrat memperkenalkan lagi jazz melalui festival sebegini," katanya. Artikel ini disiarkan pada : 2013/